

P.U. (A) 270.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI
(KERAJAAN ARAB SAUDI) 1996

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967, Menteri membuat perintah yang berikut:

Akta 53.

Nama.

Pelepasan cukai
dua kali.

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan Arab Saudi) 1996.**

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubungan dengan cukai Malaysia dan cukai Saudi (sebagaimana yang ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN
KERAJAAN ARAB SAUDI BAGI PENGECUALIAN BERSALING
BERKENAAN DENGAN CUKAI KE ATAS PENDAPATAN
PERUSAHAAN PENGANGKUTAN UDARA KEDUA-DUA NEGARA**

PERJANJIAN DI ANTARA KERAJAAN MALAYSIA

DENGAN

KERAJAAN ARAB SAUDI

BAGI

PENGECUALIAN BERSALING BERKENAAN DENGAN CUKAI KE
ATAS PENDAPATAN PERUSAHAAN PENGANGKUTAN UDARA
KEDUA-DUA NEGARA

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi berhasrat hendak membuat Perjanjian bagi pengecualian bersaling berkenaan dengan cukai ke atas pendapatan perusahaan pengangkutan udara kedua-dua negara.

Telah bersetuju sebagaimana yang berikut:

Perkara 1

CUKAI YANG DILIPUTI

I. Perjanjian ini hendaklah terpakai bagi cukai ke atas pendapatan yang dikenakan bagi pihak setiap Negara Pejanji walau apa pun cara cukai itu dilevikan.

2. Maka hendaklah dianggap sebagai cukai ke atas pendapatan segala cukai yang dikenakan ke atas jumlah pendapatan, atau ke atas unsur-unsur pendapatan, termasuk cukai ke atas keuntungan daripada pemberimilikan harta alih.

3. Cukai yang sedia ada yang baginya Perjanjian ini hendaklah terpakai adalah khususnya:

- (a) dalam hal Malaysia, cukai pendapatan dan cukai pembangunan (kemudian daripada ini disebut “Cukai Malaysia).
- (b) dalam hal Arab Saudi, cukai pendapatan (kemudian daripada ini disebut “Cukai Saudi”).

4. Perjanjian ini hendaklah juga terpakai kepada apa-apa cukai yang bersamaan atau yang secara substansialnya serupa sebagaimana yang kemudiannya dikenakan sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, cukai yang sedia ada.

Perkara 2

TAKRIF

Dalam Perjanjian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

- (a) istilah “Negara Pejanji” dan “Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya Malaysia atau Arab Saudi sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;
- (b) istilah “Perusahaan Pengangkutan Udara Negara Pejanji” dan “Perusahaan Pengangkutan Udara Negara Pejanji yang satu lagi” ertinya mengikut susunannya masing-masing Perbadanan Penerbangan Arab Saudi (SAUDIA) dan Sistem Penerbangan Malaysia Bhd. (MAS) sebagaimana yang dikehendaki oleh konteksnya;
- (c) istilah “Perjalanan Pengangkutan Udara” ertinya aktiviti operasi bagi pengangkutan orang, ternakan, barang dan mel melalui udara yang dijalankan oleh perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji termasuk penjualan tiket dan dokumen yang serupa dengannya yang digunakan bagi maksud pengangkutan;
- (d) istilah “Lalulintas Antarabangsa” ertinya apa-apa pengangkutan dengan pesawat udara yang dikendalikan oleh perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji, kecuali jika pengangkutan sedemikian dikendalikan semata-mata di antara tempat-tempat dalam Negara Pejanji yang satu lagi;
- (e) istilah “pihak berkuasa kompeten” ertinya:
 - (i) dalam hal Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa; dan

- (ii) dalam hal Arab Saudi, Menteri Kewangan dan Ekonomi Kebangsaan atau wakilnya;
- (f) istilah “pemastautin Negara Pejanji” ertinya mana-mana orang yang di bawah undang-undang Negara itu, boleh dikenakan pencukaaian di dalamnya disebabkan oleh domisilnya, kemastautinnya, tempat pengawalan dan pengurusannya atau apa-apa kriteria lain yang jenisnya serupa;
- (g) istilah “orang” termasuklah individu perbadanan, syarikat atau mana-mana kumpulan orang yang lain.

Perkara 3

PENGANGKUTAN UDARA

1. Pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji daripada perjalanan pengangkutan udara di lalulintas antarabangsa hendaklah dikecualikan daripada cukai di Negara Pejanji yang satu lagi.
2. Peruntukan Perenggan 1 hendaklah juga terpakai bagi pendapatan dan keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji daripada penyertaannya dalam perniagaan kumpulan atau bersama.
3. Bagi maksud Perkara ini, keuntungan yang diperolehi oleh perusahaan Negara Pejanji, daripada perjalanan pengangkutan udara di lalulintas antarabangsa, termasuklah juga pendapatan yang diperolehi daripada:
 - (a) sewaan, pajakan atau penyenggaraan pesawat udara;
 - (b) skim latihan, perkhidmatan pengurusan dan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang diberikan oleh perusahaan pengangkutan udara satu Negara Pejanji kepada perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji yang satu lagi.

Perkara 4

SARAAN UNTUK PERKHIDMATAN PERIBADI

1. Saraan berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di atas pesawat udara yang dijalankan operasinya di lalulintas antarabangsa oleh perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji, hendaklah hanya boleh dikenakan cukai di dalam Negara itu.
2. Saraan yang diperolehi oleh pekerja perusahaan pengangkutan udara Negara Pejanji berkenaan dengan pekerjaan yang dijalankan di dalam Negara yang satu lagi selama tempoh melebihi agregat 183 hari dalam mana-mana tahun fiskal hendaklah boleh dikenakan cukai di dalam Negara yang satu lagi itu.

Perkara 5

PROSEDUR PERJANJIAN BERSAMA

Perundingan bolehlah dipinta pada bila-bila masa oleh mana-mana Negara Pejanji bagi maksud meminda Perjanjian ini atau bagi pemakaiannya atau pentafsirannya. Perundingan itu hendaklah dimulakan dalam masa 60 hari dari tarikh penerimaan permintaan itu dan keputusan hendaklah dengan persetujuan bersama.

Perkara 6

MULA BERKUATKUASA

1. Perjanjian ini hendaklah diratifikasikan dan suratcara ratifikasi dipertukarkan dengan serta-merta selepas tamat prosedur perundingan dalaman dalam kedua-dua Negara Pejanji.
2. Perjanjian ini hendaklah mula berkuatkuasa apabila dipertukarkan suratcara ratifikasi dan peruntukannya hendaklah berkuatkuasa pada pendapatan yang berbangkit pada atau selepas 1 hb Januari 1987.

Perkara 7

PENAMATAN

Perjanjian ini hendaklah terus berkuatkuasa sehingga suatu masa yang belum lagi ditetapkan tetapi mana-mana Negara Pejanji boleh, pada atau sebelum hari ketiga puluh dalam bulan Jun dalam mana-mana tahun kalendar memberi Negara Pejanji yang satu lagi, menerusi saluran diplomatik, notis penamatan secara bertulis. Dalam keadaan itu Perjanjian ini hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa bagi pendapatan yang diperolehi pada hari pertama dalam bulan Januari dalam tahun selepas sahaja tahun notis penamatan diberikan dan sesudah itu.

PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT yang bertandatangan di bawah, yang dengan sempurnanya diberikuasa bagi maksud itu, telah menandatangani Perjanjian ini dalam dua salinan di Riyadh pada hari ini, 28 Muharram 1414H bersamaan 18hb Julai 1993 dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris, ketiga-tiga naskah adalah sama sah. Dalam hal apa-apa perbezaan di antara ketiga-tiga naskah itu, naskah Bahasa Inggeris hendaklah mengatasinya.

BAGI KERAJAAN MALAYSIA

DATUK ADNAN BIN OTHMAN
*Duta Besar Malaysia
di Arab Saudi*

BAGI KERAJAAN ARAB SAUDI

MOHAMMED ALI ABALKHAIL,
*Menteri Kewangan dan
Ekonomi Kebangsaan
Arab Saudi*

Dibuat 22 Mei 1996.

[Perb. 0.6869/37; PN. (PU²) 70/A.]

ANWAR IBRAHIM,
Menteri Kewangan

(Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.)

INCOME TAX ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF SAUDI ARABIA)
ORDER 1996

Act 53. IN exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the
Income Tax Act 1967, the Minister makes the following order:

Citation. 1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The
Government of Saudi Arabia) Order 1996.**

Double taxation relief. 2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule
have been made by the Government of Malaysia with the Government
of Saudi Arabia with a view of affording relief from double taxation
in relation to Malaysian tax and Saudi tax (as defined in each case
in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements
shall have effect.

SCHEDULE
(Paragraph 2)

AGREEMENT BETWEEN THE GOVERNMENT OF MALAYSIA
AND THE GOVERNMENT OF SAUDI ARABIA FOR RECIPROCAL
EXEMPTION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME OF AIR
TRANSPORT ENTERPRISES OF THE TWO COUNTRIES

AGREEMENT

BETWEEN

THE GOVERNMENT OF MALAYSIA

AND

THE GOVERNMENT OF SAUDI ARABIA
FOR RECIPROCAL EXEMPTION WITH RESPECT
TO TAXES ON INCOME OF AIR TRANSPORT ENTERPRISES OF
THE TWO COUNTRIES

The Government of Malaysia and the Government of the Kingdom
of Saudi Arabia desiring to conclude an Agreement for reciprocal
exemption with respect to taxes of air transport enterprises of the
two countries,

Have agreed as follows:

Article 1

TAXES COVERED

1. This Agreement shall apply to taxes on income imposed on
behalf of each Contracting State irrespective of the manner in which
they are levied.

2. There shall be regarded as taxes on income all taxes imposed on total income, or on elements of income, including taxes on gains from the alienation of movable property.
3. The existing taxes to which the Agreement shall apply are in particular:
 - (a) in the case of Malaysia, the income tax and development tax (hereinafter referred to as “Malaysian Tax”);
 - (b) in the case of Kingdom of Saudi Arabia the income tax (hereinafter referred to as “Saudi Tax”).
4. This Agreement shall also apply to any identical or substantially similar taxes as are subsequently imposed in addition to, or in place of the existing taxes.

Article 2

DEFINITIONS

In this Agreement, unless the context otherwise requires:

- (a) the terms “a Contracting State” and “the other Contracting State” means Malaysia or the Kingdom of Saudi Arabia, as the context requires;
- (b) the terms “airtransport enterprise of a Contracting State” and the “air transport enterprise of the other Contracting State” mean respectively Saudi Arabian Airlines Corporation (SAUDIA) and Malaysian Airlines System Bhd. (MAS) as the context requires;
- (c) the term “exercise of air transport” means the operational activity of transportation by air of persons, livestock, goods and mail conducted by an air transport enterprise of a Contracting State including sale of tickets and similar airline documents used for the purpose of transportation;
- (d) the term “international traffic” means any transport by aircraft operated by an air transport enterprise of a Contracting State, except when such transport is made solely between places in the other Contracting State;
- (e) the term “competent authority” means:
 - (i) in the case of Malaysia, the Minister of Finance or his authorised representative; and
 - (ii) in the case of the Kingdom of Saudi Arabia, the Minister of Finance and National Economy or his representative.

- (f) the term “resident of a Contracting State” means any person, who under the law of that State, is liable to taxation therein by reason of his domicile, resident, place of control and management or any other criterion of a similar nature;
- (g) the term “person” includes an individual, a corporation, a company or any other body of persons.

Article 3

AIR TRANSPORT

1. Income and profits derived by an air transport enterprise of a Contracting State from the exercise of air transport in international traffic shall be exempted from tax in the other Contracting State.
2. The provisions of Paragraph 1 shall also apply to income and profits derived by an air transport enterprise of a Contracting State from its participation in a pool or a joint business.
3. For the purposes of this Article, profits derived by an enterprise of a Contracting State, from the exercise of air transport in international traffic also include income derived from:
 - (a) the rental, lease or maintenance of aircraft;
 - (b) training schemes, management and other services rendered by an air transport enterprise of one Contracting State to the air transport enterprise of the other Contracting State.

Article 4

REMUNERATION FOR PERSONAL SERVICES

1. Remuneration in respect of an employment exercised on an aircraft operated in international traffic by an air transport enterprise of a Contracting State, shall be taxable only in that State.
2. Remuneration derived by an employee of an air transport enterprise of a Contracting State in respect of employment exercised in the other State for a period exceeding in aggregate 183 days in any fiscal year shall be taxable in that other State.

Article 5

MUTUAL AGREEMENT PROCEDURE

Consultation may be requested at any time by either Contracting State for the purpose of amendment to the present Agreement or for its application or its interpretation. Such consultation shall begin within 60 days from the date of receipt of any such request and decisions shall be by mutual consent.

Article 6

ENTRY INTO FORCE

1. This Agreement shall be ratified and the instruments of ratification exchanged immediately after the completion of the internal legal procedures in both Contracting States.
2. The Agreement shall enter into force upon the exchange of instruments of ratification and its provisions shall have effect on income arising on or after 1 January 1987.

Article 7

TERMINATION

This Agreement shall remain in force indefinitely but either of the Contracting States may, on or before the thirtieth day of June in any calendar year give to the other Contracting State, through the diplomatic channel, written notice of termination. In such event this Agreement shall cease to have effect for income derived on the first day of January in the year next following the year in which the notice of termination is given and thereafter.

IN WITNESS WHEREOF the undersigned, being duly authorised thereto, have signed this Agreement in duplicate at Riyadh this 18th day of July 1993 corresponding to 28th Muharram 1414H in Bahasa Malaysia, Arabic and the English Languages, all the three texts being equally authentic. In the case of any divergence between the texts the English text shall prevail.

FOR THE GOVERNMENT
OF MALAYSIA

DATUK ADNAN OTHMAN,
*Ambassador of Malaysia
To The Kingdom of
Saudi Arabia*

FOR THE GOVERNMENT OF THE
KINGDOM OF SAUDI ARABIA

MOHAMMED ALI ABALKHAIL,
*Minister of Finance and
National Economy
Kingdom of Saudi Arabia*

Made 22 May 1996.

[Perb. 0.6869/37; PN. (PU²) 80/A.]

ANWAR IBRAHIM,
Minister of Finance

*(To be laid before the Dewan Rakyat in pursuant to subsection
132(6) of the Income Tax Act.)*